

Dear CUSTOMER,

This Product Disclosure Sheet (PDS) provides you with key information on your life insurance. Other customers have read this PDS and found it helpful; **you should read it too.**

Product Name: Sun Flexi (This is an insurance product)

Printed date:

1. What is Sun Flexi?

Sun Flexi is a regular premium group term life plan. It provides lump sum benefit in the event of death or total and permanent disability (TPD) due to specified infectious diseases* or due to accidental causes. The plan also provides accidental medical and surgical expenses and ambulance service fee benefit.

* Specified infectious diseases refer to Dengue Fever, Chikungunya Fever, Malaria, Japanese Encephalitis, Avian Influenza or Zika Virus Infection only.

2. Know Your Coverage

As an illustration, you will receive the following insurance coverage depending on the plan selected as shown below:

Benefits / Sum Assured	Benefits	Sum assured		
		Plan 1 (RM)	Plan 2 (RM)	Plan 3 (RM)
	Death/Total and permanent disability (TPD) due to specified infectious diseases	200,000	300,000	400,000
	Accidental death/TPD	200,000	300,000	400,000
	Accidental medical & surgical expenses	2,000	3,000	4,000
	Ambulance service fee	1,000	1,500	2,000

Coverage duration Up to age 70.

Note: TPD coverage will expire on the certificate monthly anniversary after the life assured's 65th birthday and the maximum aggregate amount payable on TPD benefit to the life assured under this certificate and all other individual and group policy or certificates with us is limited to RM2,000,000.

The benefit(s) payable under eligible certificate/policy/contract is(are) protected by PIDM up to limits. Please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System (TIPS) Brochure or contact Sun Life Malaysia Assurance Berhad or PIDM (visit www.pidm.gov.my).

Your life insurance **excludes:**

If the death/TPD due to specified infectious diseases is caused by:

- the covered event occurring within 15 days from the first e-certificate commencement date; or
- any pre-existing conditions.

Note: This list is **non-exhaustive**. You must refer to the master policy and/or certificate of insurance documents for the full list of exclusions.

If you have any questions or require assistance on your life insurance, you can:



Call us at:
1300-88-5055



Visit our website at:
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Email us at:
wecare@sunlifemalaysia.com



For claim related:
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>

3. Know Your Obligations

For your life insurance, you must pay the premium of:			
Premium (inclusive of service tax, if any)	The monthly premium that you have to pay depends on the plan selected as shown below.		
	Plan 1	Plan 2	Plan 3
	RM38 per month	RM48 per month	RM58 per month
Note: The premiums are not guaranteed and may be revised from time to time. At least 90 days written notice prior to the certificate monthly anniversary will be given to you and the premium revision will be applicable from the next certificate monthly anniversary.			
Premium duration	Up to age 70.		
You also have to pay the following fees and charges:			
Stamp duty	RM10.00. This amount will be borne by us.		
Commission	Please refer to Appendix 1: Commission table.		
Service tax	Not applicable.		

4. Other Key Terms

- **Importance of disclosure** - You must disclose all material facts correctly such as occupation, age or date of birth and other information as required during enrolment. If the certificate of insurance is intended wholly for your personal purposes, you must take reasonable care to disclose any facts that you know to be relevant to us and not to mislead us. Your above duty of disclosure continues until the certificate is issued.
- **Nomination** - You may nominate a nominee and ensure that your nominee is aware of the insurance plan that you have purchased.
- **Changes to contact details/personal details** - It is important that you inform us of any changes in your contact details to ensure that all future correspondences reach you in a timely manner.
- **Non-payment of premium and no-coverage period** - If you do not pay the premium before the next coverage start date, no insurance coverage will be provided and no insurance benefits will be payable. A maximum of up to 24 months to reactivate the insurance coverage is provided from the coverage end date as shown in the latest e-certificate. Immediately after 24 consecutive months of non-payment of premium, the certificate will be lapsed.
- **Waiting period** - 15 days waiting period from the first e-certificate commencement date shall apply to death/TPD due to specified infectious diseases.
- **Pre-existing condition** - Means any injury, illness, condition or symptom that existed 12 months prior to the first e-certificate commencement date for which:
 - treatment, medication, advice or diagnosis has been sought or received;
 - an ordinary and prudent person with such injury, illness, condition or symptom would have sought advice or treatment in connection with his/her health; or
 - you and/or the life assured knew existed, whether or not treatment, medication, advice or diagnosis was sought or received.

Note: This list is **non-exhaustive**. Please refer to the master policy and/or certificate of insurance documents for the full list of terms and conditions under this plan.

? Can I cancel my certificate?

Yes, you may cancel your certificate by giving a written notice to us.

- **Free look period** - You may cancel your certificate of insurance within 15 calendar days from the delivery date of the first e-certificate by giving us written notice. Any premium paid will be refunded if you cancel the insurance coverage during the free look period.
- **Written notice** - You may cancel your certificate of insurance at any time by giving written notice to us. The effective date of the surrender shall be the coverage end date of the coverage period and there will be no cash value or pro-rated premium payable upon surrender.

Important Note:

Buying life insurance plan is a long-term financial commitment. You must choose the type of plan that best suits your personal circumstances. You should read and understand the insurance documents or contact us directly for more information.

This plan is underwritten by Sun Life Malaysia Assurance Berhad <Registration Number: 199001005930 (197499-U)>, an insurer regulated by Bank Negara Malaysia and licensed under the Financial Services Act 2013.

This plan is distributed by CIMB Bank Berhad 197201001799. CIMB Bank Berhad is co-located at 17th Floor Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

APPENDIX 1: COMMISSION TABLE

Certificate year	Annualised premium (RM)	Proportion of premium paid for commission (%)	Total commission paid (RM)
1	696.00	35.00	243.60
2	696.00	15.00	104.40
3	696.00	15.00	104.40
4	696.00	10.00	69.60
5	696.00	10.00	69.60
6	696.00	10.00	69.60
Thereafter	696.00	0.00	0.00

Notes:

1. The premium illustrated above is based on the plan you selected.
2. CIMB Bank may also be entitled to production bonus during the first year of the certificate provided that CIMB Bank meets the qualifying criteria set by us.

SAMPLE

PELANGGAN Yang Dihormati,

Dokumen Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang insurans hayat anda. Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia berguna; **anda juga sepatutnya membacanya.**

Nama Produk: Sun Flexi (Ini adalah produk insurans)

Tarikh dicetakkan:

1. Apakah Sun Flexi?

Sun Flexi adalah pelan hayat tempoh berkelompok premium berkala. Ia menawarkan manfaat insurans yang dibayar secara sekali gus jika berlaku kematian atau hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat penyakit berjangkit tertentu* atau kemalangan. Pelan ini juga menawarkan perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan dan yuran perkhidmatan ambulans.

* Penyakit berjangkit tertentu merujuk kepada Demam Denggi, Demam Chikungunya, Malaria, Ensefalitis Jepun, Avian Influenza atau Jangkitan Virus Zika sahaja.

2. Ketahui Perlindungan-perindungan Anda

Sebagai ilustrasi, anda akan menerima **perlindungan** insurans berikut bergantung pada pelan yang dipilih seperti yang ditunjukkan di bawah:

Manfaat-manfaat / Jumlah yang diinsuranskan	Manfaat-manfaat	Jumlah yang diinsuranskan		
		Pelan 1 (RM)	Pelan 2 (RM)	Pelan 3 (RM)
	Kematian/Hilang upaya menyeluruh dan kekal (TPD) akibat penyakit berjangkit tertentu	200,000	300,000	400,000
	Kematian/TPD akibat kemalangan	200,000	300,000	400,000
	Perbelanjaan perubatan dan pembedahan akibat kemalangan	2,000	3,000	4,000
	Yuran perkhidmatan ambulans	1,000	1,500	2,000
Tempoh perlindungan	Sehingga umur 70 tahun.			
Nota: Perlindungan TPD akan tamat pada ulang tahun bulanan sijil sejeurus selepas hari lahir orang yang diinsuranskan yang ke-65 dan jumlah maksimum agregat manfaat TPD yang akan dibayar ke atas orang yang diinsuranskan di bawah sijil ini dan semua polisi atau sijil individu dan berkelompok dengan kami adalah terhad kepada RM2,000,000.				
Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/polisi/kontrak yang layak adalah dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Sun Life Malaysia Assurance Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).				

Insurans hayat anda **tidak meliputi:**

Jika kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu adalah disebabkan oleh:

- kejadian yang dilindungi berlaku dalam tempoh 15 hari dari tarikh e-sijil pertama berkuatkuasa; atau
- keadaan sedia ada.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda mesti rujuk kepada dokumen-dokumen polisi induk dan/atau sijil insurans untuk senarai penuh pengecualian-pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai insurans hayat anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-5055



Layari laman web kami di:
<https://www.sunlifemalaysia.com>



Emel kepada kami di:
wecare@sunlifemalaysia.com



Untuk tuntutan berkaitan:
<https://www.sunlifemalaysia.com/client-care/make-a-claim>

3. Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk insurans hayat anda, anda mesti membayar premium sebanyak:			
Premium (termasuk cukai perkhidmatan, jika ada)	Premium bulanan yang perlu anda bayar bergantung pada pelan yang dipilih seperti yang ditunjukkan di bawah.		
	Pelan 1	Pelan 2	Pelan 3
	RM38 sebulan	RM48 sebulan	RM58 sebulan
Nota: Premium-premium adalah tidak terjamin dan mungkin akan disemak dari semasa ke semasa. Notis bertulis sekurang-kurangnya 90 hari lebih awal sebelum ulang tahun bulanan sijil akan diberikan kepada anda dan penyemakan semula premium akan berkuatkuasa dari ulang tahun bulanan sijil berikutnya.			
Tempoh premium	Sehingga umur 70 tahun.		
Anda juga harus membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:			
Duti setem	RM10.00. Jumlah ini akan ditanggung oleh kami.		
Komisen	Sila rujuk kepada Lampiran 1: Jadual Komisen.		
Cukai perkhidmatan	Tidak dikenakan.		

4. Terma-terma Utama

- **Keperluan pendedahan** - Anda dikehendaki mendedahkan kesemua fakta-fakta penting dengan betul seperti pekerjaan, umur atau tarikh lahir dan maklumat lain yang dikehendaki semasa pendaftaran. Jika sijil insurans ini sepenuhnya untuk tujuan peribadi, anda mesti mengambil langkah yang munasabah untuk mendedahkan apa-apa fakta yang anda tahu yang berkaitan kepada kami dan tidak mengelirukan kami. Kewajipan pendedahan berterusan adalah tanggungjawab anda sehingga sijil ini dikeluarkan.
- **Penamaan** - Anda boleh mencalonkan seorang penama dan memastikan penama anda menyedari pelan insurans yang anda beli.
- **Perubahan kepada maklumat hubungan/maklumat peribadi** - Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan dalam maklumat hubungan anda bagi memastikan semua urusan surat-menyurat akan sampai kepada anda tepat pada masanya.
- **Tiada premium bayaran dan tempoh tiada perlindungan** - Sekiranya anda tidak membayar premium sebelum tarikh mula perlindungan berikutnya, tiada perlindungan insurans akan diberikan dan tiada manfaat insurans akan dibayar. Maksimum sehingga 24 bulan untuk mengaktifkan semula perlindungan insurans akan diberikan dari tarikh akhir perlindungan seperti yang ditunjukkan dalam e-sijil terkini. Sejurus selepas 24 bulan berturut-turut tiada premium bayaran, sijil insurans akan luput.
- **Tempoh menunggu** - Kelayakan untuk manfaat kematian/TPD akibat penyakit berjangkit tertentu ini hanya akan bermula 15 hari dari tarikh berkuatkuasa e-sijil.
- **Keadaan sedia ada** - Bermaksud sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala yang wujud 12 bulan sebelum tarikh berkuatkuasa e-sijil pertama, di mana:
 - rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima;
 - seseorang biasa dan waras yang mengalami sebarang kecederaan, penyakit, keadaan atau gejala seharusnya telah mendapatkan nasihat ataupun rawatan yang sepatutnya untuk kesihatannya; atau
 - kewujudannya diketahui oleh anda dan/atau orang yang diinsuranskan, sama ada atau tiada rawatan, perubatan, nasihat atau diagnosis telah pun didapatkan atau diterima.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Sila rujuk kepada dokumen-dokumen polisi induk dan/atau sijil insurans untuk senarai penuh terma-terma dan syarat-syarat di bawah pelan ini.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh semakan percuma** - Anda boleh membatalkan sijil insurans anda dalam tempoh 15 hari kalendar dari tarikh penghantaran e-sijil pertama dengan memberi notis bertulis kepada kami. Sebarang premium yang dibayar akan dikembalikan sekiranya anda membatalkan perlindungan insurans ini dalam tempoh semakan percuma.
- **Notis bertulis** - Anda boleh membatalkan sijil insurans anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Tarikh berkuatkuasa penyerahan adalah pada tarikh tamat perlindungan mengikut tempoh perlindungan dan tiada nilai tunai atau pro-rata premium akan dibayar apabila diserahkan.

Nota penting:

Membeli polisi insurans hayat adalah satu komitmen kewangan jangka panjang. Anda mesti memilih jenis pelan yang memenuhi keperluan peribadi anda dengan sebaiknya. Anda seharusnya membaca dan memahami dokumen insurans atau terus menghubungi kami untuk maklumat lanjut.

Pelan ini ditaja jamin oleh Sun Life Malaysia Assurance Berhad <Nombor Pendaftaran: 199001005930 (197499-U)>, penanggung insurans yang dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia dan dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

Pelan ini diedarkan oleh CIMB Bank Berhad 197201001799. CIMB Bank Berhad berpejabat di Aras 17 Menara CIMB, No 1 Jalan Stesen Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur.

Tahun sijil	Premium setahun (RM)	Peratusan daripada premium yang dibayar untuk komisen (%)	Jumlah komisen yang dibayar (RM)
1	696.00	35.00	243.60
2	696.00	15.00	104.40
3	696.00	15.00	104.40
4	696.00	10.00	69.60
5	696.00	10.00	69.60
6	696.00	10.00	69.60
Seterusnya	696.00	0.00	0.00

Nota-nota:

1. Premium yang ditunjukkan di atas adalah berdasarkan pelan yang anda pilih.
2. CIMB Bank juga mungkin layak untuk memperolehi bonus semasa tahun pertama sijil dengan syarat bahawa CIMB Bank memenuhi kriteria kelayakan yang ditetapkan oleh kami.

SAMPPEL